

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 03/08/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 43

Tajuk : ANGKASA peruntuk 10 peratus kakitangan miliki sarjana



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada pesara Normah Saad pada majlis makan malam Angkasa Pahang Zon 2, semalam.

Angkasa peruntuk 10 peratus kakitangan miliki sarjana

TEMERLOH 2 Ogos - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperuntukkan sebanyak 10 peratus kakitangannya memiliki ijazah sarjana khususnya Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) sebagai usaha menyediakan profesional dengan kemahiran tepat bagi memenuhi cabaran persekitaran perniagaan global yang semakin kompetitif.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini terdapat kira-kira 750 kakitangan Angkasa di seluruh negara iaitu 50 orang daripadanya memiliki ijazah sarjana dalam pelbagai bidang.

Katanya, keputusan itu selaras dengan persetujuan para perwakilan dalam Persidangan Tahunan Kebangsaan Angkasa Ke-34 pada 29 Jun lepas supaya Angkasa dapat menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

“Pendekatan ini juga dapat melindungi kepentingan dan memperjuangkan hak gerakan koperasi melalui pengurusan yang profesional sejajar dengan revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

“Industri 4.0 melibatkan teknologi automasi memberi cabaran baharu kepada Angkasa yang memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing,” katanya selepas Majlis Makan Malam Angkasa Pahang Zon 2 di sini, malam semalam.

Abdul Fattah yang juga Presiden ASEAN Cooperative Organization (ACO) berkata, Angkasa akan meneruskan kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk tahun ketiga bagi membantu 25 lagi kakitangannya mengikuti pengajian sarjana di universiti berkenaan tahun ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA